



**-TEKS UCAPAN DERAJAT PERTAMA-
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN
KPKR KE 43**

OLEH:

**DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN
KETUA PENGARAH RISDA**

TEMPAT: HOTEL SUN CITY, ALOR STAR, KEDAH
19 OGOS 2007

- Yang Berusaha Pengacara Majlis
- Y.Bhg. Encik Ali Nordin Bin Wahiduddin,
Tim. Ketua Pengarah (Pembangunan)
- Y.Bhg. Dato' Ramli Bin Mohd Kassim,
Tim. Ketua Pengarah (Pengurusan)
- Yg.Dihormati En Hairi bin Mat Lanan,
Mantan Yg. DiPertua Kesatuan Pegawai Kanan RISDA dan
En.....YDP KPKR baru sesi 2007/2008
- Barisan AJK KPKR serta
- Tuan-Tuan dan Puan-Puan ahli-ahli Kesatuan Pegawai
Kanan RISDA yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t,

1. Syukur Alhamdulillah, sekali lagi dapat kita berkumpul pada hari ini sempena Seminar Integriti Pegawai Kanan RISDA dan juga Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kesatuan Pegawai Kanan RISDA ke 43 . Saya berharap semua Pegawai Kanan RISDA dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk membangunkan masyarakat pekebun kecil. Kesihatan adalah amat penting kerana 'Badan yang cergas akan

menghasilkan minda yang cergas' dan minda yang cergas akan menghasilkan minda kelas pertama, insyaAllah.

2. Seminar Integriti yang telah diadakan pagi tadi adalah satu usaha RISDA untuk memupuk integriti dalam perkhidmatan supaya perkhidmatan kita lebih telus, terbuka dan berkesan. Dua tokoh ternama iaitu Yg,Bhg.Tan Sri Dr.Nordin b. Kardi, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia dan Dr.Mohd. Asri b. Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis telah dipilih untuk memberikan ceramah integriti. Saya percaya mereka adalah pakar dalam bidang ini dan tuan-tuan dan puan-puan amat

bertuah untuk menerima ilmu 'straight from the horses' mouth'. Integriti adalah satu perkara yang amat penting dan perlu dipupuk dalam diri kita sehingga ianya sehati dalam setiap tingkah laku kita. Raja Dr. Nazrin Shah dalam Persidangan Antarabangsa Mengenai Cabaran Pendemokrasian dan Tadbir Urus Baik Sektor di Malaysia baru-baru ini, juga menyentuh mengenai integriti dalam sistem tadbir urus untuk mengurangkan masalah birokrasi dan juga menghindari gejala rasuah.

3. Pada petang ini, tuan-tuan & Puan-puan telah mengadakan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kesatuan Pegawai Kanan RISDA. Terima kasih kepada Kesatuan kerana telah menjemput saya untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Mesyuarat Agung ke 43 ini. Inilah satu Forum yang dapat saya bertemu dan berinteraksi dengan semua Pegawai Kanan RISDA. Tahniah saya ucapkan kepadakerana telah dilantik sebagai Yg. Dipertua KPKR bagi sesi 2007/2008. Semoga KPKR terus memainkan peranan sebagai penghubung diantara ahli dengan Pengurusan. Tahniah juga kepada barisan AJK baru tetapi perlu

diingatkan bahawa setiap perlantikan tuan-tuan & puan-puan diiringi dengan tugas dan tanggung jawab yang telah diamanahkan oleh ahli-ahli. Kepercayaan dan keyakinan yang telah diberikan oleh ahli-ahli untuk memimpin dan mewakili mereka dalam mengendalikan hak-hak bersama menjadi amanah yang mengandungi kewajipan dan tanggung jawab yang mesti dilaksanakan. Remember, work hard..it does not come with a silver spoon nor on a silver platter.

4. Sebuah Kesatuan akan jadi kuat jika ahli-ahlinya kuat. Saya perhatikan masih ramai lagi pegawai yang belum menjadi ahli Kesatuan ini. Daripada.....orang pegawai kanan, hanya ...orang atau ...peratus sahaja yang menjadi ahli. Saya menyarankan kepada semua Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Negeri dan Pengurus Besar Anak Syarikat, untuk mengambil tindakan atas perkara ini. Jika setiap orang ahli memberi satu cadangan atau penambahbaikan, kesatuan akan mempunyai lebih 400 idea atau cadangan. It can do wonders for the Kesatuan.

Tuan-tuan & Puan-puan sekalian,

5. Saya mengambil kesempatan disini untuk menjelaskan beberapa tindakan yang telah di ambil oleh pihak pengurusan dalam masa terdekat ini sebagai makluman. Dari segi penstrukturan RISDA, beberapa bahagian dan unit baru telah ditubuhkan. Dibawah penstrukturan baru, Unit Guaman, Unit Komunikasi Korporat serta Unit Urusetia Pihak Berkuasa diletakkan dibawah Pejabat Ketua Pengarah. Unit Komunikasi Korporat meliputi perhubungan Awam, serta

ditambah dengan fungsi komunikasi yang diambilalih dari BPKR. Bahagian Latihan telah diwujudkan kembali dan mengambilalih fungsi latihan staf daripada BPSM dan latihan pekebun kecil daripda BPKR. RISTEC serta IKPK adalah di bawah Bahagian Latihan. Bahagian Bekalan & Kejuruteraan telah diubah kepada Bahagian Bekalan dan Input Pertanian dimana fungsi Kejuruteraan telah dimasukkan ke Bahagian Pentadbiran Am. BPKR akan fokus sepenuhnya keatas khidmat pengembangan dan teknologi.

6. **Penstrukturan semula** organisasi RISDA dan kenaikan pangkat secara tidak langsung berlakunya **proses pertukaran** pegawai dan kakitangan. Ini adalah amalan biasa yang bertujuan untuk memantapkan organisasi RISDA di setiap negeri. Selain bertujuan meningkatkan kepentingan organisasi, ianya adalah sebagai langkah menambah pengalaman, pendedahan dan pusingan kerja seseorang pegawai. Ia bukanlah bertujuan untuk mendiskriminasikan pegawai-pegawai, tetapi adalah semata-mata untuk kepentingan para pekebun kecil di bawah naungan RISDA. Pegawai perlu berada dekat dengan pekebun kecil untuk mengetahui dan

menyelesaikan permasalahan mereka. Disebabkan itu, setiap pegawai perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan sebelum bertugas di tempat baru.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Sebagaimana yang kita sedia maklum, RISDA telah memberi fokus kepada pekebun kecil dan Program Tanam Semula melalui konsep '**Back To Basic**'. Kita telah melancarkan **Kempen *Impian 500*** dan ***Kelab 2000*** serta telah menambahbaikkan ***Delivery System*** kepada pekebun

kecil. Saya juga telah menekankan mengenai bekerja sebagai satu pasukan iaitu **Pasukan RISDA**. Satu pasukan boleh menghasilkan penyatuan tenaga, idea dan cita-cita dalam satu ikatan yang bersatupadu. 'Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Dengan semangat ini, gunung yang tinggi dapat dirobohkan, lautan yang dalam dapat diratakan, kerja yang berat menjadi ringan dan kerja yang sulit menjadi senang.

8. Saya yakin dan percaya dengan kebolehan dan **iltizam** warga RISDA untuk melaksanakan segala dasar yang telah

ditetapkan. Pegawai-pegawai RISDA perlu meneruskan usaha bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang wujud hari ini bagi membolehkan sektor pekebun kecil menangani cabaran masa depan yang semakin dinamik dan kompetitif.

9. Agenda utama kita pada tahun ini adalah pembasmian kemiskinan di kalangan pekebun kecil. Ini adalah Agenda utama negara. Pada 4-8 Ogos yang lalu, Malaysia telah menjadi Tuan Rumah untuk **Dialog Antarabangsa Langkawi (LID)**. Saya juga telah menyertai LID ini . LID

telah mengenalpasti bidang pendidikan dan keusahawanan sebagai bidang yang penting yang boleh menyumbang kearah pembasmian kemiskinan. Kepentingan Pembangunan Modal Insan menerusi pendidikan yang bermula pada peringkat prasekolah serta latihan vokasional untuk menyediakan kemahiran yang diperlukan pasaran dititikberatkan.

10. **Projek Lonjakan Mega Luar Bandar** juga merupakan agenda pembasmian kemiskinan negara. Pada 11 Ogos 2007, Perdana Menteri telah melancarkan **Projek**

Agropolitan peringkat kebangsaan di Pulau Banggi, Sabah. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan telah melihat melalui televisyen kerana pelancaran ini telah disiarkan secara langsung di RTM 1. RISDA juga turut terlibat dalam Projek Agropolitan iaitu di Ganda,Perak, Gahai,Lipis, Setiu,Terengganu dan Pekan, Pahang. Kita juga perlu bersedia untuk pelancaran bila-bila sahaja diminta oleh pihak Kementerian.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Untuk berjaya dalam **era globalisasi** hari ini kita tidak boleh bersikap statik, mudah berpuas hati mahupun selesa dengan pencapaian sedia ada. Kita mesti terus melakukan proses pembaharuan serta penambahbaikan secara berterusan. Kita tidak boleh lagi meneruskan kebiasaan budaya kerja seperti biasa. Kita perlu wujudkan satu **budaya kerja** yang lebih unggul. Misalnya, kita amalkan budaya kerja tidak menangguhkan kerja. Setiap Pegawai perlu selesaikan setiap kerja pada hari itu juga. Jika ini dapat diterapkan dalam diri kita, saya yakin RISDA akan menjadi satu Organisasi yang

cemerlang. Cara kita berpakaian yang betul ke pejabat juga memainkan peranan. Baru-baru ini kita telah melancarkan Kempen Pakaian Pejabat yang betul. Ini juga merupakan salah satu budaya kerja dari aspek fizikal yang patut dipatuhi. Kita mesti berani untuk berubah mengikut peredaran semasa secara yang strategik, terancang dan lebih pragmatik bagi menangani cabaran masa depan.

16. Satu lagi perkara yang ingin saya sentuh adalah RISDA sebagai '**a learning organisation**'. Kita perlu create 'Subject Matter Specialist' kita sendiri supaya kita tidak perlu bergantung

kepada orang lain untuk mendapat latihan teknikal dalam bidang getah, misalnya. Semua pegawai kanan perlu menambahkan ilmu pengetahuan dan mengetahui isu-isu semasa. Jika ada yang menanya kita mengenai strategi Lautan Samudera, jangan kita menggeleng kepala sahaja. Baca Buku-buku seperti 'The Blue Ocean Strategy', 'The Naked Ape', 'Gene Coefficient', 'Culture of Poverty' dan lain-lain lagi. Equip yourselves with knowledge and the power of the mind will be yours. You carry the name of RISDA and make RISDA proud.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Masa begitu cepat berlalu. Sekarang kita telah memasuki bulan ke lapan tahun 2007. Tinggal 11 hari lagi kita akan menyambut ulang tahun ke 50 kemerdekaan negara. Bahang **sambutan kemerdekaan** sudah pun bermula. Sambutan pada tahun ini berbeza sedikit daripada tahun-tahun lepas kerana pada tahun ini , we are celebrating Malaysia's 50 years of nationhood. Saya amat tertarik dengan ucapan Yg.Bhg. Tan Sri Pengerusi kita semasa Perjumpaan Bulanan baru-baru ini. Beliau telah mengupas

erti kemerdekaan 'from a different angle of view' yang sebelum ini kita tak nampak. Merdeka can mean many different things, it's how we see it. Beliau telah menekankan supaya kita keluarkan our extra- our extra thinking, our extra mile dengan mengembangkan benak yang ada dalam otak kita yang mampu mengeluarkan our potentials.

12. Ketika kita tidak sabar menunggu detik bersejarah 31 Ogos 2007 untuk sambutan jubli emas kemerdekaan negara, kita dikejutkan dengan kisah seorang pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Universiti Taipei, Taiwan yang didakwa

menghina lagu Negara Ku. Dia telah pun memohon maaf kepada Kerajaan dan rakyat Malaysia. Nampaknya cabaran kepada kemerdekaan yang kita kecapai pada hari ini cukup berbeza dengan apa generasi terdahulu lalui. Ternyata kepesatan dunia teknologi maklumat dan komunikasi benar-benar memberi impak hebat kepada masyarakat, sekaligus mengubah cara kita memperoleh serta menyebarkan mesej.

13. Sempena bulan kemerdekaan ini, Saya juga mengingati tuan-tuan & puan-puan supaya semua bangunan RISDA dihiasi dengan lampu dan mengibarkan Jalur

Gemilang sebagai tanda kita sama-sama menyokong dan meraikan sambutan kemerdekaan negara kita. Di samping itu, RISDA menyertai perarakan dan juga mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan Nasyid, Sajak dan Koir yang dianjurkan oleh KKLW sepanjang bulan kemerdekaan ini.

17. Marilah kita bersama-sama mencipta **masa depan** yang lebih gemilang untuk RISDA dan warganya kerana jika kita statik dan gagal dalam usaha untuk menggunakan segala kelebihan yang wujud dalam RISDA kita akan ketinggalan di

belakang. Harus diingat bahawa peluang yang kita sia-siakan akan diambil manfaatnya oleh pihak lain. Janganlah kita mendedikasikan hidup kita bagi mencari alasan kenapa kita tidak mampu untuk mencapai kecemerlangan sebaliknya marilah kita bersama-sama menjadikan hidup kita sebagai satu misi besar bagi mengatasi segala cabaran untuk menikmati kejayaan demi kejayaan dan masa depan yang lebih cerah. Dalam **Buku 'The Art of War' oleh Sun Tzu** ada menggariskan 'The rules governing victory':

In dispersive ground, I would unify the determination of the army.

In frontier ground, I would keep my forces closely linked.

In key ground, I would hasten up my rear elements.

In open ground, I would pay close attention to my defense.

In focal ground, I would consolidate my alliances.

In serious ground, I would ensure a continuous flow of provisions.

In difficult ground, I would press on over the road.

In encircled ground, I would block the points of access and egress.

In desperate ground, I would make it evident that there is no chance of survival. For it is the nature of soldiers to resist when surrounded, to fight hard when there is no alternative and to follow commands implicitly when they have fallen into danger.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Mungkin tidak terlalu awal bagi saya untuk mengucapkan **'Selamat menyambut Ramadhan'** kerana dalam kurang sebulan lagi, umat Islam akan menyambut kedatangan bulan Ramadhan, bulan yang mulia dan penuh keberkatan.

Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz '**Bismillahirramanirrahim**' saya merasmikan penutupan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kesatuan Pegawai Kanan ke 43. Selamat Maju Jaya.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah , Assalammualaikum w.b.t**